

LOSYEN PERMETHRINE

A. APAKAH KEGUNAAN UBATINI?



- ✚ Ubat ini untuk merawat penyakit kudis buta/ hama (*scabies*).
- ✚ Ia juga untuk merawat dan menghalang jangkitan kutu badan serta telurnya.

B. BAGAIMANA UBATINI BERTINDAK?

- ✚ Ubat ini melumpuh dan membunuh kutu serta telurnya dan hama.

C. BAGAIMANA UBATINI DIGUNAKAN?

A. CARA GUNA

Untuk merawat penyakit kudis buta/ hama (*scabies*).



1. Pastikan kulit bersih dan kering untuk rawatan.
2. Sapu ubat ke seluruh badan daripada kepala hingga ke hujung kaki terutama pada bahagian kulit yang berlipat.
3. Biarkan ubat pada badan untuk selama 8-14 jam.
4. Cuci badan dengan bersih (biasanya 1 botol 30 ml mencukupi untuk seorang dewasa).

C. BAGAIMANA UBATINI DIGUNAKAN? (sambungan)

Untuk merawat dan menghalang jangkitan kutu serta telurnya

1. Sapu losyen pada rambut yang telah dicuci dan biarkan selama 10 minit.
2. Bilas rambut dan buang kutu/telur menggunakan sikat.

(Sekali penggunaan biasanya sudah mencukupi. Simptom kegatalan mungkin masih dialami selepas rawatan namun, tidak bermakna ubat ini tidak berkesan. Simptom mungkin berterusan beberapa hari hingga beberapa minggu walaupun kutu telah mati. Ini disebabkan masih terdapat kesan alahan yang mungkin mengambil masa untuk reda).

B. JIKA TERLUPA

Sekali penggunaan biasanya sudah mencukupi. Namun, rawatan boleh diulang sekali lagi sekiranya masih terdapat kutu/hama hidup selepas 7 hari.

C. BAGAIMANAKAH ANDA PERLU MENYIMPAN UBATINI?

- 👉 Simpan ubat dalam bekas asal pada suhu bilik ($23^{\circ}\text{C} - 27^{\circ}\text{C}$), jauh dari haba, kelembapan dan cahaya matahari.
- 👉 Jauhkan daripada kanak-kanak.

D. PERINGATAN !!!

➤ SEBELUM MENGAMBIL UBATINI

Maklumkan kepada doktor jika anda;

- ✚ Mempunyai sejarah alahan dengan ubat ini.
- ✚ Sekiranya anda hamil, merancang untuk hamil dan memberi susu badan



➤ SEMASA MENGAMBIL UBATINI

Maklumkan kepada doktor jika anda;

- ✚ Mengalami kesan sampingan yang berlarutan (contoh: sembelit, sakit kepala).
- ✚ Mengalami alahan/alergi kepada ubat ini.



E. KESAN SAMPING UBAT

AMARAN !!

SEKIRANYA

TANDA-

TANDA INI

BERLARUTAN

SILA

RUJUK

DOKTOR

- Pesakit mungkin akan mengalami kesan-kesan berikut:

- Rasa terbakar
- Kegatalan

- Pesakit perlu melaporkan kepada doktor atau ahli farmasi sekiranya mengalami kesan seperti berikut:

- Reaksi alahan seperti kegatalan, sesak nafas, ruam, bengkak pada bibir,muka atau lidah.

Rujukan:

- <https://www.drugs.com>
- www.medscape.com
- [Lexi-Comp](#)